



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

9 Mei 2021
27 Ramadhan 1442

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Doa untuk bang chik• Arus deras halang usaha selamat rakan
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Free Malaysia Today	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			2	09/05/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			



Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Sungai Petani

"Anak (Mohd Nasir) pesan jangan kunci pintu sebab dia kata akan balik selepas menangkap ikan, tapi saya tunggu dia tak balik pun sehingga dimaklumkan dia terjatuh ke laut."

Begitu kata Zainab Din, 56, ibu Mohd Nasir Md Ruzuki, 33, yang masih hilang, manakala rakannya, Sobri Hussin, 35, ditemui selamat selepas bot dinaiki mereka dipanah petir ketika menangkap ikan di muara Sungai Merbok.

Menurut Zainab, kali terakhir dia bertemu dengan anak kedua daripada empat beradik itu malam kelmarin sebelum Mohd Nasir turun ke laut.

Katanya, anaknya berhenti kerja sebagai posmen sebelum ini kerana mahu meneruskan legasi bapanya.

Md Ruzuki Ismail, 63, sebagai nelayan berikutan orang tuanya sudah tidak sihat.

"Saya datang di pelantar ikan ini dan menjerit namanya 'Bang Chik...Bang Chik' beberapa kali sambil berharap dia akan selamat."

"Saya amat berharap dia ditemui segera kira dalam apa jua keadaan," katanya.

ketika ditemui di lokasi pencarian di Jeti Batu Lintang, Pantai Merdeka di sini, semalam.

Sementara itu, isteri mangsa, Nor Fatehah Othman, 29, berkata, suaminya sempat membelikan baju untuk dipakai pada sambutan Aidilfitri kira-kira dua minggu lalu.

Katanya, dia turut terkejut apabila dimaklumkan suaminya terjatuh ke

dalam laut lalu pergi ke lokasi untuk mengetahui keadaannya.

"Saya tak sempat jumpa kerana dia keluar ke laut sejak malam tadi (kelmarin) namun saya berdoa supaya dia selamat," katanya yang mempunyai dua anak perempuan berusia tiga dan tujuh tahun.

Dalam pada itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tjiam Batu, Muhammad Syukri Hasbim berkata, operasi pencarian diperluaskan pada jarak kira-kira 0.5 meter dari tempat mangsa terjatuh.

DOA UNTUK BANG CHIK

Nelayan hilang, rakan selamat selepas bot dinaiki dipanah petir

"Saya amat berharap dia ditemui segera kira dalam apa jua keadaan"

Arus deras halang usaha selamat rakan

"Rakannya terjun untuk menyelamatkan mangsa, namun arus deras. Mangsa hanyut dan tidak dapat dinaiki kerana pahan petir dalam kejadian di muara Sungai Merbok, dekat sini, semalam."

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Adzli Abu Shah berkata, kedua-dua mangsa keluar untuk menangkap ikan dari Jeti Pengkalan Bakar Arang, dekat sini, kira-kira jam 12 tengah malam.

Katanya, kira-kira jam 4 pagi ketika sedang memasing pukat di kawasan muara sungai itu iaitu kira-kira 300 meter dari pantai, bahagian hadapan bot tiba-tiba disambar petir menyebabkan mangsa pengan dan terjatuh ke dalam sungai.

Adzli berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu pada jam 5:30 pagi dan usaha mencari mangsa oleh Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) digerakkan ke lokasi kejadian. - Bernama